

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang usaha Kementerian untuk memastikan kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan dari Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Sarawak dapat dijalankan dengan berkesan bagi semua skim-skim pertanian yang sedia ada. Adakah peruntukan Operasi dan Penyelenggaraan akan ditambah kepada peratusan yang lebih munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sarawak antara lainnya adalah kerja pembersihan parit dan tali air, kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan rizab serta kerja-kerja pembaikan infrastruktur sedia ada bagi membolehkan infrastruktur yang telah dibina dapat mengekalkan fungsinya dan berada pada tahap yang optimum.

2. Sebanyak 84 skim yang merangkumi keluasan 91,601 hektar akan dibuat selenggaraan setiap tahun dengan menggunakan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian ini. Secara idealnya, jumlah kos O&M yang diperlukan untuk memastikan seluruh kawasan tersebut dapat diselenggara dengan efektif adalah sekitar **RM55 juta** setahun atau **RM600 per hektar** setiap tahun. Dari tahun 2016 hingga 2019 Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM5.42 juta** untuk *Program Penyelenggaraan Persekutuan Kawasan Luar Jelapang* kepada JPS Sarawak untuk tujuan tersebut.

3. Kementerian ini akan menyalurkan sejumlah peruntukan yang sesuai dan munasabah bagi memastikan semua skim pertanian sedia ada dapat diselenggara dengan optimum dan seterusnya memberi kemudahan yang baik kepada para petani untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Sekian, terima kasih.